

PIPIT BATU
Grey Wagtail

FAMILI: Motacillidae
NAMA SAINTIFIK: *Motacilla cinerea*

CIRI-CIRI

Bagi burung jantan di luar musim membiak, ia mempunyai bahagian atas kepala, telinga dan bahagian atas badan berwarna kelabu, terdapat garis halus berwarna putih di bahagian atas mata manakala bahagian bawah tongkeng berwarna kuning. Ia seakan-akan sama dengan Pipit Kuning (*M. flava*) tetapi ia mempunyai bahagian atas badan berwarna kelabu terang, bahagian sayap berwarna hitam dengan bahagian tongkeng berwarna kuning. Bagi burung jantan di dalam musim membiak, bahagian bawah badan berwarna kuning dengan bahagian tekak dan atas dada berwarna hitam. Bagi burung betina, ia hampir sama dengan burung jantan di luar musim membiak. Bagi burung juvenil pula, ia seakan-akan sama dengan burung betina tetapi bahagian atas badan lebih berwarna coklat, terdapat garis di bahagian atas mata berwarna oren kemerahan manakala di bahagian tekak terdapat bintik-bintik berwarna gelap. Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah 19 sm.

MAKANAN

Makanan utama spesies ini terdiri daripada serangga dan haiwan-haiwan kecil.

HABITAT

Spesies ini boleh ditemui di kawasan terbuka dan hutan terbuka, selalunya berhampiran dengan kawasan jeram. Spesies ini boleh dijumpai sehingga ketinggian 2,565 m.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi bernada tinggi *ziss-ziss-ziss-ziss.....*, dan selalu berselang seli dengan bunyi bernada tinggi *si si si*. Kadang kala ia mengeluarkan bunyi yang kuat *tittick* atau *tzit-tzzit*.

STATUS:

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.